



DASAR KUALITI PDTKS

Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor akan melaksanakan Pengurusan Pentadbiran Kewangan, //

Pengurusan Projek Kecil Luar Bandar dan Pengurusan tanah menerusi perancangan yang sistematik dan berkesan demi kepuasan pelanggan serta penambahbaikan yang berterusan.

“



MISI


”

**“MENTADBIR MENGURUS TANAH DAN
PEMBANGUNAN DAERAH SECARA EFISYEN,
PROFESIONAL DAN SEIMBANG KE ARAH
KEHIDUPAN YANG HARMONI DAN SEJAHTERA”**



VISI

**“MENJADIKAN KUALA SELANGOR SEBUAH
DAERAH YANG UNGGUL DAN MAJU DALAM
ASPEK PENGURUSAN TANAH DAN
PEMBANGUNAN DAERAH”**



APA MAKSUD AUDIT MS ISO 9001:2015

Satu pemeriksaan yang sistematis dan bebas serta didokumentasikan bagi tujuan menentukan sama ada aktiviti kualiti dan hasil yang berkaitan mematuhi perancangan serta sama ada pengurusan ini telah dilaksanakan dengan berkesan dan sesuai bagi mencapai objektif.

ADA BERAPA JENIS AUDIT

- Terdapat dua (2) jenis Audit iaitu :

**Audit Pihak Pertama :
Audit Dalaman**

**Audit Pihak Kedua :
Audit Oleh Badan
Persijilan iaitu SIRIM**

PERANAN ANGGOTA ORGANISASI DALAM PELAKSANAAN MS ISO 9001:2015



Fahami keperluan asas pembentukan Sistem Pengurusan Kualiti seperti dinyatakan dalam standard MS ISO 9001:2015;



Fahami Panduan Pelaksanaan, Prosedur Kualiti, Arahan Kerja serta dokumen sokongan lain yang telah disediakan;



Pastikan fail serta dokumen pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti diselenggara supaya mudah diperolehi, tidak rosak dan mudah dibaca;



Pastikan rekod-rekod kualiti seperti dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan dan Prosedur Kualiti diselenggara supaya mudah diperolehi, tidak rosak dan mudah dibaca; dan



Memberi kerjasama kepada Pasukan Audit Dalam.

7 PRINSIP SISTEM PENGURUSAN KUALITI

1. Fokus kepada pelanggan

2) Kepimpinan

3) Penglibatan Anggota Organisasi

4) Pendekatan Proses

5) Penambahbaikan yang berterusan

```
graph TD; A[5) Penambahbaikan yang berterusan] --> B[6) Pendekatan Fakta bagi penyelesaian masalah]; B --> C[7) Perhubungan baik];
```

6) Pendekatan Fakta bagi penyelesaian masalah

7) Perhubungan baik

APAKAH ITU SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)?

Definasi Kualiti di bawah MS ISO 9000 ialah keseluruhan ciri-ciri entity (produk dan perkhidmatan) yang dapat memenuhi kehendak pelanggan

APAKAH ISO 9000

ISO 9000 adalah satu *Standard bertulis yang menetapkan dan menerangkan keperluan asas yang perlu ada dalam system pengurusan kualiti bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah organisasi dapat memenuhi kehendak pelanggan.*

TERPERINCI MS ISO 9001:2015



Satu Standard bertulis yang menjelaskan garis panduan dan keperluan asas dalam satu sistem pengurusan kualiti;



Sistem kerja yang terancang berasaskan keperluan piawaian antarabangsa. Sistem kerja yang terancang akan mempunyai proses-proses yang dikenalpasti, proses-proses tersebut didokumenkan dan dikawal;



Akan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang konsisten kualitinya;



Standard MS ISO 9001:2015 adalah merupakan kepada standard terdahulu iaitu MS ISO 9001:2008.

APAKAH MAKSUD KUALITI?

- Definisi kualiti di bawah MS ISO 9000 ialah keseluruhan **ciri-ciri entiti** (produk dan perkhidmatan) yang dapat **memenuhi kehendak pelanggan yang dinyatakan dan yang tersirat.**

PERINCIAN KUALITI?

- **Penekanan terhadap pencegahan dan bukan mengatasi masalah setelah ia berlaku;**
- **Kajian semula yang berterusan ke atas proses-proses yang kritikal dan membuat tindakan pembetulan;**
- **Mewujudkan cara bekerja yang konsisten dan menepati prinsip betul dan pertama kali dan setiap kali; dan**
- **Mementingkan penyimpanan rekod kualiti untuk membuktikan tindakan yang telah dilaksanakan.**